


Khamis, Ogs 03 2017

Lembaga pengarah urus pembayaran IPIC

PUTRAJAYA – 1MDB akan menguruskan pembayaran kepada International Petroleum Investment Co (IPIC), kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Beliau berkata, pembayaran itu, yang dijadualkan pada 31 Julai 2017 diuruskan di peringkat lembaga pengarah 1MDB.

“Biarlah mereka selesaikan masalah ini, ia adalah soal syarikat. Jika mereka kata mereka akan mampu membayarnya, biarlah kita tunggu mereka bayar,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Kumpulan



JOHARI

Fokus Bajet 2018, semalam.

Mengenai sama ada dana awam akan digunakan jika 1MDB mahu mendapatkan bantuan kerajaan, Johari

berkata, pihak 1MDB tidak berjumpa dengan Menteri Kewangan.

Dalam kenyataan kelmarin, 1MDB berkata, ia telah memaklumkan secara bertulis kepada syarikat Abu Dhabi, IPIC, mengenai pembayaran yang dijadualkan pada 31 Julai, 2017 yang sebaliknya akan dibuat pada Ogos 2017 kerana masih menunggu dana sewajarnya.

1MDB berkata, kesemua bayaran kepada pihak IPIC itu akan menggunakan hasil yang dikumpul menerusi pelan rasionalisasi 1MDB.

- Bernama *St 3/8*